UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA
MENTERI PERPADUAN NEGARA

PELANTIKAN KETUA PENGARAH BAHARU
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

PUTRAJAYA, 4 November 2026 **–** Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada **YBrs. Tuan Mohamad Shawali bin Haji Badi atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang baharu**, berkuat kuasa **mulai 5 November 2026**.

Beliau sebelum ini telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Muzium Malaysia dan mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dasar, pembangunan institusi serta bidang permuziuman negara. Saya yakin pengalaman dan kepakaran beliau mampu memperkukuh kepimpinan JMM dalam mendepani cabaran serta keperluan permuziuman masa hadapan.

Pelantikan ini diharap dapat **memperkasakan peranan muzium sebagai institusi strategik dalam mengangkat naratif sejarah negara, memperkukuh identiti nasional dan membina jati diri bangsa** selaras dengan agenda Pembinaan Negara Bangsa.

Saya turut menaruh harapan agar kepimpinan baharu JMM dapat **menghidupkan budaya muzium dan mendekatkan institusi ini dengan rakyat**, khususnya generasi muda. Pendekatan yang lebih segar, kreatif, interaktif dan berteraskan teknologi digital perlu diperkasakan supaya muzium menjadi ruang pembelajaran, penerokaan sejarah dan penghayatan warisan yang relevan kepada semua lapisan masyarakat.

Pada masa yang sama, **prestasi dan kecemerlangan institusi permuziuman negara perlu terus dipertingkatkan**, khususnya dari aspek jumlah pengunjung, kualiti pameran, penyelidikan, pemuliharaan koleksi, pendigitalan khazanah serta kerjasama strategik di peringkat nasional dan antarabangsa. Usaha ini penting

bagi memastikan muzium Malaysia terus berkembang sebagai institusi ilmu, warisan dan tarikan kebudayaan yang berdaya saing.

Antara keutamaan yang perlu diberikan perhatian ialah **usaha penggubalan Rang Undang-Undang Muzium** serta **cadangan penubuhan Majlis Muzium Malaysia** sebagai **langkah memperkukuh kerangka perundangan, tadbir urus dan penyelarasan ekosistem permuziuman negara**. Kedua-dua agenda ini perlu diberikan tumpuan bagi memastikan pembangunan sektor permuziuman dilaksanakan secara lebih menyeluruh, tersusun dan mampan.

Saya berharap pelantikan ini menjadi titik permulaan kepada anjakan baharu yang membawa institusi permuziuman Malaysia ke tahap lebih tinggi, bukan sahaja sebagai pusat pemeliharaan sejarah dan warisan, tetapi juga sebagai institusi yang menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh perpaduan serta membentuk kefahaman masyarakat terhadap perjalanan pembinaan negara bangsa Malaysia.

MENTERI PERPADUAN NEGARA
4 NOVEMBER 2026

MALAYSIA MADANI